

## PPIM pertikai agihan tender Tabung Haji

**K**UALA LUMPUR: Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mahu Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) menjelaskan perancangan organisasi itu untuk membangunkan ekonomi ummah di negara ini.

Ketua Aktivistis PPIM, Datuk Nadzim Johan, berkata pihaknya menerima banyak aduan daripada syarikat Bumiputera yang tidak mendapat kerjasama Tabung Haji dalam pengagihan projek.

"Kami mahu pelaburan dilakukan Tabung Haji diperinci, dan jika boleh biar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menyiasat salah laku dan rasional setiap keputusan diambil bagi kepentingan orang Islam secara keseluruhannya," katanya pada sidang media, semalam.

Nadzim mengulas aduan sebuah syarikat Bumiputera gagal mendapat tender walaupun sudah menjalankan projek perintis bersama Tabung Haji dengan lancar.

Syarikat berkenaan dipilih untuk menjalankan projek perintis di cawangan Tabung Haji, tetapi selepas enam bulan Lembaga Anugerah Tender Tabung Haji tidak memilih syarikat berkenaan, sebaliknya ia diberikan kepada syarikat yang tidak memenuhi spesifikasi tender.